



## **SIARAN BERITA UNTUK SIARAN SEGERA**

### **FESTIVAL SENIBINA PERDANA MALAYSIA KLAF KEMBALI PAM Hos Acara Pelancaran Rumah Terbuka Sempena Tahun Baru Cina**

**KUALA LUMPUR**, 13 Januari 2020 – Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), badan profesional bagi arkitek Malaysia dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Festival Seni bina Kuala Lumpur (KLAF) kembali dan akan diadakan dari 15 Februari hingga 16 Ogos 2020.

Terbuka kepada orang ramai, perayaan tahunan itu merupakan acara utama dalam kalendar seni bina Malaysia yang meneroka jauh ke dalam aspek seni dan seni bina. Menurut Pengarah KLAF2020 Ar. Dr Tan Loke Mun, acara itu dianjurkan setiap tahun untuk memberi inspirasi kepada arkitek Malaysia dengan idea-idea dan membantu merangsang industri seni bina di negara ini.

"KLAF menunjukkan komitmen PAM untuk memacu kecemerlangan dalam bidang seni bina serta menetapkan piawaian untuk amalan dan pendidikan. KLAF2020 direka dengan pelbagai bidang tumpuan yang merangkumi lakaran, pendidikan, bangunan warisan, kemampunan bangunan dan penghijauan Malaysia," jelas Ar. Dr Tan.

KLAF2020 akan dilancarkan sempena Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PAM di Kuala Lumpur pada 15 Februari, 2020. Orang ramai boleh mengharapkan persembahan tarian singa akrobatik oleh kumpulan yang paling berpengaruh di dunia iaitu Kun Seng Keng dan mereka akan mengadakan lawatan sekitar bangunan hijau PAM serta jualan karnival barangan *pre-loved* dengan lebih daripada 50 gerai di APW, Bangsar sebagai sebahagian daripada promosi kemampunan dan kitar semula.

Orang ramai yang berminat membuka gerai di jualan *pre-loved* KLAF di APW boleh emel ke [prelovedisreloved@apw.my](mailto:prelovedisreloved@apw.my).

Selain dari Rumah Terbuka Tahun Baru Cina tradisional yang akan diadakan di Pusat PAM di Jalan Tandok, Bangsar, acara pelancaran KLAF2020 akan dilengkapi dengan perbincangan mengenai tema *Beyond Architecture: Seni Bina Perayaan* oleh arkitek Ar. Chong Yan Chuah dan Ar. Tay Kheng Soon.



Ar. Chong Yan Chuah, seorang artis digital dan pemikir spatial pelbagai disiplin, membina dunia melalui filem, lukisan dan pemasangan. Karya-karyanya menyajikan visi artistik realiti khayalan alam melalui pengalaman sensori yang mendalam.

Ar. Tay Kheng Soon adalah pengerusi pengasas Substation, pusat percubaan Komuniti Seni dan Fellow Akademi Seni & Sains Dunia. Beliau kini Profesor Sandaran di Sekolah Seni Bina di NUS, Singapura.

Pelancaran KLAF2020 diteruskan keesokan harinya pada 16 Februari, 2020 dengan aktiviti yang lebih menarik berdasarkan tema "Beyond Heritage Conservation" untuk orang ramai.

### **Pelancaran KLAF2020 'Beyond Heritage Conservation' dengan kerjasama Kuala Lumpur Urban Sketchers**

Pelancaran KLAF2020 Beyond Heritage Conservation akan diadakan pada 16 Februari 2020 di REXKL, Jalan Sultan, Kuala Lumpur dari jam 9 pagi hingga 2 petang.

Ceramah mengenai pemuliharaan warisan akan dijalankan oleh Dr Dalila ElKerdany, Profesor Seni Bina & Reka bentuk Bandar di Universiti Kaherah, Mesir dan Pemenang Emas PAM 2019 Ar. Laurence Loh Kwong Yu.

Berikutan ceramah tersebut, lawatan berjalan kaki ke pelbagai bangunan turut diadakan, di antaranya ialah Chocha, Lantern Hotel dan Mingle Hostel + Cafe di Petaling Street yang terbuka kepada orang ramai.

Program ini akan merangkumi sesi *Urban Sketching* dengan 50 peserta dari komuniti Kuala Lumpur Urban Sketchers.

Mereka yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada KLAF2020 boleh mengetahui lebih lanjut mengenai acara dan mendaftar penyertaan mereka melalui aplikasi KLAF yang boleh dimuat turun melalui Playstore atau App Store. Maklumat lanjut juga boleh didapati di laman facebook KLAF2020 <https://www.facebook.com/KLAF2020/>.

---



*Siaran berita ini dikeluarkan oleh Circuit Communications bagi pihak Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).  
Untuk maklumat lanjut mengenai siaran berita ini, sila hubungi:  
Angela Ho (012-2029523)/Ting Jia (012-2905108)  
Circuit Communications  
[angela@circuitcommunications.com](mailto:angela@circuitcommunications.com) / [tingjia@circuitcommunications.com](mailto:tingjia@circuitcommunications.com)*